

Usah jadikan buku teks isu

UM 9 AUG 2001

Oleh MOHD. RADZI
MOHD. ZIN dan
SAIFULIZAM MOHAMAD

KUALA LUMPUR 8 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan semua pihak jangan menjadikan pemberian buku teks kepada murid Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) yang ibu bapa mereka berpendapatan RM1,000 dan ke bawah sebagai isu perkauman.

Schubungan itu, beliau berkata, kemudahan tersebut tiada kaitan dengan kaum sebaliknya ia berkaitan dengan status sekolah.

Beliau berkata, sekolah jenis kebangsaan sebelum ini tidak mendapat kemudahan skim pinjaman buku teks seperti di sekolah kebangsaan.

“Tolong jangan jadikan perkara ini (pemberian buku teks) sebagai isu

perkauman,” katanya kepada pemberita selepas sesi taklimat khas meritokrasi kepada para pemimpin UMNO bahagian di Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, sekiranya murid kaum lain belajar di sekolah kebangsaan, mereka akan mendapat kemudahan yang sama dengan murid Melayu.

“Begitu juga kalau murid Melayu pergi ke SJK Cina atau Tamil, mereka akan mendapat layanan yang sama seperti yang diberikan kepada murid Cina atau India,” katanya lagi.

Beliau berkata, ini ekoran kelonggaran syarat kemudahan pemberian buku teks kepada murid SJK Cina dan Tamil.

“Murid SJK Cina dan Tamil yang ibu bapa mereka memperoleh penda-

patan RM1,000 ke bawah boleh mendapat kemudahan ini sekarang,” tambahnya.

Perdana Menteri menjelaskan kelonggaran syarat pemberian buku teks di sekolah kebangsaan bertujuan menarik minat murid daripada pelbagai kaum belajar di sekolah tersebut.

“Kalau kita berikan kemudahan yang sama kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil maka tiada perbezaan dan dengan itu tiada daya tarikan untuk murid ke sekolah kebangsaan.

Namun begitu, katanya, kerajaan telah memberi kelonggaran kepada syarat pemberian buku teks kepada murid yang belajar di SJK Cina dan Tamil.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata kerajaan membuat keputusan melarang penjualan cakera

padat video (VCD) di tempat terbuka kerana bimbang dengan amalan penjualan VCD lucuh oleh para peniaga.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mendapati hampir semua peniaga VCD menjual bahan lucuh dan yang dicetak rompak.

“Kerana itu, kita membuat keputusan melarang VCD dijual di luar. Mereka (peniaga) mesti ditempatkan di premis yang sesuai serta dilesenkan, dan kita akan sentiasa membuat pemeriksaan,” katanya.

Dr. Mahathir berkata mesyuarat kabinet hari ini tidak dapat membincangkan masalah remaja kerana beliau mahu memberi tumpuan kepada pertemuan dengan pemimpin-pemimpin Bahagian UMNO berhubung isu meritokrasi.

perkauman